

18 NOV 1998

APEC-BERITA-PENARAFAN KREDIT/I

KRITIKAN MALAYSIA TERHADAP AGENSI PENARAFAN DAPAT SOKONGAN APEC

Oleh: Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Kritikan berterusan Malaysia terhadap ketidakadilan penarafan oleh agensi penarafan kredit antarabangsa menerima sokongan antarabangsa apabila pemimpin-pemimpin Apec hari ini menggesa kajian dibuat terhadap kegiatan mereka.

Pemimpin-pemimpin menggesa agensi-agensi untuk mengkaji semula amalan untuk memperkenalkan kecekapan yang lebih baik dan menyumbangkan kepada aliran modal yang mapan.

Dalam deklarasinya mereka yang dikeluarkan di akhir sidang kemuncak selama dua hari di sini, mereka melahirkan kebimbangan terhadap prestasi agensi penarafan kredit antarabangsa kebelakangan ini.

Malaysia seringkali menekankan mengenai kepentingan untuk mengkaji peranan agensi itu terutamanya sejak negara dilanda oleh kagawatan ekonomi bermula pertengahan tahun lalu.

Baru-baru, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa agensi penarafan untuk kembali semula kepada peranan asal mereka iaitu membuat penarafan hanya apabila diminta.

Ini adalah kerana dalam beberapa kes mereka muncul dengan penarafan yang tidak diminta. Seringkali penarafan itu adalah rendah dan menyebabkan negara tidak berupaya mendapatkan pembiayaan pada kadar faedah berpatutan.

Pada Julai, rancangan Malaysia untuk mengumpulkan dana di luar negara bagi membiayai pemulihan perniagaan menerusi penerbitan bon terhalang apabila Moody's dan Standard & Poor menurunkan gred penarafan bon kedaulatan negara.

Dr Mahathir kemudiannya berkata agensi-agensi tersebut muncul dengan penarafan tanpa sesiapa yang meminta ia berbuat demikian.

Beliau berkata: "Mereka melakukan penarafan sesuka hati mereka. Apabila mereka menyedari bahawa mereka mempunyai pengaruh besar terhadap apa yang ditaraf, mereka menjadi angkuh kerana menganggap mereka boleh memutuskan nasib sesebuah syarikat, bank atau negara."

Memandang kepada perkara itu, beliau mengumumkan pada lewat September lalu bahawa kerajaan akan memperkenalkan satu mekanisme untuk mengawal selia agensi penarafan tempatan agar ia dapat membantu pasaran matawang dan tidak melemahkan syarikat, bank dan malahan negara.

-- BERNAMA

ZMY ZK MA